

CNS6673

U GB 07-05 00173 BB656

bah

Mahathir - Bumiputera

DR MAHATHIR DENGAN FENOMENA BARU DI KALANGAN PENGUSAHA BUMIPUTERA

SHAH ALAM, 7 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau bangga kerana wujud fenomena baru di kalangan pengusaha bumiputera yang tidak memerlukan bantuan kerajaan untuk berjaya dalam usaha mereka.

Perdana Menteri berkata kumpulan pengusahaini tidak memerlukan bantuan istimewa daripada kerajaan kerana sanggup bekerja keras dan mempunyai disiplin kuat untuk menjalankan perniagaan mengikut cara-cara yang sihat.

"Fenomena ini semakin bertambah dalam bidang kewangan, telekomunikasi, komputer serta pembuatan dan mereka ini benar-benar serius untuk berjaya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perusahaan Usra Tampi (M) Sdn Bhd, kilang membuat peralatan komponen plastik, di sini.

Beliau yakin jumlah pengusaha seumpama itu akan bertambah kerana tiada apa yang kurang pada bumiputera berbanding kaum lain daripada segi kesanggupan bekerja dan berusaha untuk maju.

Katanya keadaan ini berbeza semasa pengusaha bumiputera sentiasa meminta bantuan kerajaan bagi mendapatkan lesen atau AP untuk dijual sebagai usaha membayar hutang. -- Lagi

▼07/05/19-57MST

CNS6700

U GB 07-05 00150 BB659

bah

Mahathir - Bumiputera 2 Shah Alam

"Itu bukan perniagaan dan bukan cara yang boleh saya tolong," kata beliau.

Dr Mahathir berkata beliau kerap mendapat surat daripada pengusaha bumiputera yang menyatakan mereka tidak boleh maju tanpa bantuan beliau.

"Saya memang sanggup menolong tapi bukan dengan cara memasukkan duit dalam poket," katanya dan menambah kata bahawa kerajaan sedia mengatasi sebarang masalah pentadbiran yang boleh menjejaskan kemajuan usahawan bumiputera.

"Tapi hendak beri keistimewaan sehingga merupakan pemberian wang kepada pengusaha kerana dia bumiputera, ini bukan sesuatu yang boleh saya buat.

"Kalaupun saya boleh beri wang kenapa saya bagi kepada seorang sahaja dan tidak kepada yang lain. Lebih baik saya beri kepada semua orang kalau boleh," katanya.

Perdana Menteri juga berkata walaupun beliau berpuashati dengan pencapaian industri sampingan kenderaan di Malaysia sekarang, sektor itu masih boleh dikembangkan lagi supaya tidak tertumpu kepada penyediaan komponen kereta nasional sahaja. -- Lagi

▼07/05/20-21MST

CNS6707

U GB 07-05 00145 BB660

bah

Mahathir - Bumiputera 3 Shah Alam

Dr Mahathir berkata beliau mahu pengusaha tempatan mengeluarkan **semua** komponen yang diperlukan oleh Proton Saga di samping berusaha menembusi pasaran asing.

Keadaan ini, katanya, boleh dicapai kerana pengusaha tempatan mempunyai kelebihan memandangkan kos pengeluaran yang rendah serta bayaran gaji yang tidak terlalu tinggi bagi pekerja-pekerja mahir.

"Itu sebabnya kerajaan mahu mengekalkan kos penghidupan yang rendah di Malaysia berbanding negara maju kerana kita mahu perbelanjaan kurang tetapi gaji meningkat."

Perdana Menteri berkata pada masa ini pekerja di Malaysia memyerolesi pendapatan tinggi kerana begitu banyak peluang pekerjaan dan industri-industri menaikkan gaji tanpa apa-apa tindakan perusahaan oleh pekerja.

Beliau mengingatkan pekerja bahawa kenaikan gaji yang tidak diiringi oleh peningkatan produktiviti akan menyebabkan Malaysia hilang kelebihan daya saing dengan negara-negara maju yang mempunyai kelebihan modal, kepakaran dan pasaran. -- Lagi

▼07/05/20-36MST

CNS6736

R GB 07-05 00170 BB661

bah

Mahathir - Bumiputera 4 Shah Alam

Ketika ditanya mengenai keengganan MTUC untuk dikaitkan dengan cadangan Persekutuan Buruh Amerika-Kongres Pertubuhan Perindustrian (AFL-CIO) mengemukakan petisyen menarik balik Sistem Keutamaan Am (GSP) Malaysia, Perdana Menteri berkata perkara itu merupakan strategi yang baik jika kesatuan itu benar-benar sudah berubah dan tidak lagi mahu bersubahat dengan badan-badan asing untuk melumpuhkan ekonomi negara.

"Kita harap pendirian baru ini benar-benar dipgang oleh MTUC kerana inilah yang boleh menolong pekerja kita mendapatkan gaji yang lebih."

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata setakat ini beliau masih belum menerima surat daripada MTUC untuk bertembagi membincangkan perkara itu.

Dalam ucapannya Dr Mahathir berkata pada masa ini terdapat kira-kira 200 syarikat yang mengeluarkan pelbagai komponen bagi industri kereta motor dengan 60 peratus komponen Proton Saga adalah hasil keluaran tempatan.

"Kerajaan sedar sekiranya asas bagi pengeluaran alat-alat kereta motor dapat diwujudkan dengan kukuh, pengeluarannya boleh menjadi tenaga penggerak dalam pembangunan ekonomi negara dengan mempunyai kesan limpahan terhadap industri-industri lain." -- Lagi

▼07/05/21-20MST

CNS6737

R GB 07-05 00131 BB662

bah

Mahathir - Bumiputera 5 (Akhir) Shah Alam

Beliau yakin industri komponen mempunyai potensi yang cerah dan kerana itu Malaysia berusaha melatih pengeluar yang mampu memenuhi keperluan.

Dr Mahathir berkata bagi memperluaskan lagi pasaran barangan Malaysia, pengeluar komponen hendaklah beralih ke negara-negara Asean melalui pelbagai skim yang sedia ada serta berusaha menembusi pasaran negara Selatan dan pasaran yang baru muncul seperti China, Vietnam, Amerika Latin dan Afrika.

Pengerusi Eksekutif syarikat Usra Tampi, Abdul Shukor Haji Mohamed berkata syarikatnya mendapat kontrak bagi membekalkan pelbagai komponen plastik kepada syarikat tempatan dan asing selain Proton.

Syarikat itu yang dibuka pada 1989 dengan 25 pekerja kini berkembang dengan penubuhan beberapa anak syarikat lain dengan tenaga pekerja seramai 218 orang. -- Bernama.

JO RON